

10 NOV 1998

Najib-Umno

PERPECAHAN TIDAK BERLAKU JIKA PERTANDINGAN MENGIKUT ETIKA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada para perwakilan ke perhimpunan agung parti tahun depan untuk membuat keputusan berhubung dengan pertandingan bagi jawatan timbalan presiden Umno

"Setakat ini Perdana Menteri menyerahkan kepada perhimpunan agung melainkan ada keputusan lain," katanya ketika ditanya adakah Dr Mahathir sudah merestui pertandingan bagi jawatan timbalan presiden Umno.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan "The Encyclopaedia of Malaysia" jilid satu hingga lima, di sini.

Jawatan timbalan presiden Umno kini hangat diperkatakan di kalangan anggota parti berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 Sept lepas atas dakwaan salahlaku seksual.

Dua hari lepas di Melaka, Najib telah membayangkan hasrat untuk bertanding jawatan kedua tertinggi parti itu sekiranya ada kekosongan.

Ditanya mengenai kemungkinan wujudnya kumpulan A dan B berikutan pertandingan itu nanti, Najib berkata: "Saya percaya Perdana Menteri tidak mahu perkara tidak sihat wujud yang boleh menggugat kestabilan Umno dan memecah belahkan perpaduan parti."

Najib berkata masalah perpecahan dalam parti tidak akan timbul sekiranya pertandingan jawatan tahun depan dijalankan berdasarkan nilai-nilai dan etika yang ada dalam parti.

"Kita akan melalui proses pemilihan dalam UMNO dengan rasa penuh tanggungjawab dan yang kita utamakan ialah kepentingan parti dan kalau pertandingan dijalankan cara etika tidak akan timbul masalah perpecahan," katanya.

Beliau berkata sekiranya pertandingan itu berjalan dengan baik dan keputusan perhimpunan itu diterima yang kalah mesti menerima keputusan dan yang menang harus berusaha untuk menentukan Umno sentiasa bersatu padu dan utuh.

Ditanya mengenai 25 anggota Umno yang telah menjawab surat tunjuk sebab kerana pembabitkan mereka dalam kegiatan yang bercanggah dengan parti, Najib berkata seramai enam anggota akan dipanggil untuk temuduga esok.

Temuduga itu akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Displin Umno yang dipengerusi bersama Najib dan naib presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

AP FAZ